

PM berbuka puasa bersama Menteri Kabinet

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengadakan majlis berbuka puasa bersama Menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta duta asing ke Malaysia di kediaman rasminya di Seri Perdana, Putrajaya, malam tadi. Majlis yang dihadiri kira-kira 160 tetamu itu turut disertai isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pegawai kanan kerajaan, wakil syarikat berkaitan kerajaan dan wakil organisasi media. Antara yang hadir ialah Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Industri Utama, Teresa Kok; Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi; Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar.



